



**BERSAMA  
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah  
Abdul Ghani

Kaunselor Bertanggungjawab  
Seksyen Kaunselor Pelajar  
Universiti Putra Malaysia  
siefatimah@upm.edu.my

Saya sedar memaafkan itu lebih baik. Namun, apabila difikirkan semula, terlalu banyak perkara yang berlaku dalam keluarga kami sehingga saya sukar memberikan kemaafan.

Abang saya anak kesayangan keluarga. Pendek kata, apa sahaja dimintanya akan ditunaikan kerana dialah harapan keluarga. Sayangnya, pengorbanan ibu dan ayah sia-sia. Tiada sebarang hasil diberikannya selepas puluhan ribu ringgit diberikan kepada abang untuk mengusahakan perniagaan seperti dijanjikan.

Bukan sahaja untung, malah modal juga lesap. Apabila ibu dan ayah sudah tidak mempercayai keupayaannya berniaga, abang membawa diri dan bertengkar dengan ibu dan ayah.

Saya geram dengan sikap abang yang suka mengambil kesempatan, tapi tidak serius mengusahakan sesuatu. Namun, sebagai adik, saya tiada kuasa untuk menasihatnya. Saya hanya boleh membantu kewangan keluarga mengikut kemampuan. Yang pasti, saya akan memastikan makan minum ibu ayah serta adik-adik mencukupi. Apalah sangat yang boleh disumbangkan kerana pendapatan saya agak kecil dan baru sahaja bekerja secara sambilan.

Kini, abang ibarat penganggur kehormat yang hanya duduk di rumah tanpa melakukan sebarang kerja. Dalam usia yang makin matang, saya mengharapkan perubahan tingkah laku abang. Paling tidak, dia boleh menguruskan kehidupannya sendiri tanpa menyusahkan ibu dan ayah lagi. Semoga puan boleh membantu saya dalam hal ini.

**SAKIT HATI,  
Kedah**

**Perkara** pertama yang perlu saya katakan ialah prihatin dan pemaaf adalah kelebihan yang anda miliki. Mengapa saya katakan sebegini? Ini kerana segala yang anda kongsi di sini merujuk kepada sikap terdalem pada diri anda. Disebabkan keprihatinan itulah, timbul reaksi

# GERAM, KECEWA SIKAP ABANG

## Enggan cari kerja selepas perniagaan guna modal ibu ayah lingkup



perasaan yang pelbagai terhadap ibu ayah, abang dan semestinya anda serta ahli keluarga lain.

Meskipun perasaan yang hadir terhadap abang lebih bersifat emosional, ia disebabkan anda peka dengan apa yang berlaku dalam keluarga.

Atas dasar prihatin, saya lebih berminat berkongsi tindakan yang boleh anda lakukan untuk diri sendiri, keluarga khususnya abang. Rasionalnya bagi memastikan setiap tindakan itu sesuai dengan individu terbabit.

Pertama, fokus kepada ibu bapa. Sebagai anak yang prihatin, peka dan bertanggungjawab, anda perlu memainkan peranan seperti membantu meringankan beban ditanggung sama ada secara fizikal, mental, spiritual dan kewangan (jika berkaitan dan mampu).

Meringankan beban bermaksud tidak menambah beban kepada mereka

kerana khuatir sudah tidak mampu menanggungnya. Cukuplah abang yang membebaskan mereka.

Dari segi fizikal, anda boleh membantu mereka bermula daripada pengurusan rumah, makan minum serta penyaluran hal adik-adik mengikut kemahiran dan keupayaan anda. Secara tidak langsung, mereka boleh menumpukan kepada hal lain kerana anda membantu meringankan beban mereka.

Dari segi mental pula, anda boleh mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga dengan menerapkan nilai murni dalam kehidupan harian. Usah mempertikaikan perihal abang kerana ia mungkin menyakiti hati ibu dan ayah. Elak memperkatakan hal itu, sebaliknya kenal pasti masa sesuai untuk berbincang jika perlu.

Seterusnya bantuan kewangan yang anda hulurkan memberi makna

besar dalam keluarga. Sekurang-kurangnya anda sudah menjalankan tanggungjawab sebagai anak dan kakak kepada adik-adik. Fokus inilah yang perlu anda berikan kepada diri sendiri iaitu melakukan apa yang sepatutnya.

Ini tanggungjawab anda dan perlu dimainkan sebaik mungkin. Jika abang masih gagal menguruskan kehidupannya, anda berbeza. Secara tidak langsung ia ibadah untuk anda.

Fokus seterusnya ialah kepada abang. Apa yang boleh anda lakukan ialah merapatkan diri dengannya. Meskipun geram dengan perbuatan dan sikapnya yang mudah berputus asa dan tidak serius mencari kerja, sebaiknya abaikan perasaan itu buat sementara

Anda kini dalam usaha membantunya keluar daripada sikap negatif itu. Benar ia bukan mudah, namun anda masih boleh berusaha membantunya

secara tidak langsung. Perkara asas yang boleh dilakukan ialah dengan menjadi penemannya. Jadilah pendengar yang baik jika dia menyatakan sesuatu. Usah mengkritiknya terlebih dahulu, sebaliknya tumpukan perhatian kepada apa yang hendak diperkatakannya.

Cuba kenal pasti apa yang disampaikan itu dan jika anda ada maklumat berkaitan, kongsi dengannya.

Selain itu, kenal pasti jenis pekerjaan yang boleh dilakukannya. Jika masa bersesuaian, anda boleh bercakap dengannya mengenai pekerjaan itu. Elak sindiran, arahan atau cadangan kepadanya kerana mungkin penerimaan mesej itu berbeza. Sebaliknya anda boleh bertanya kepadanya jenis pekerjaan yang diingini dan dari situ anda boleh mulakan perkongsian secara berperingkat.

Nyatakan kepadanya keperluan untuk bekerja meskipun tidak kaya, asalkan cukup untuk menampung kehidupan. Jika merasakan ia tidak sesuai, elakkan.

Tunjukkan sikap positif secara berterusan kepada abang. Sikap yang ditonjolkan boleh mempengaruhinya secara tidak langsung. Sedari itu, berikan abang masa untuk berubah dan tidak terlalu mendesaknyanya berubah. Teruskan berdoa agar dia diberikan hidayah berubah ke arah lebih baik.

Jika ada saudara-mara terdekat yang rapat dengannya, minta bantuan daripada mereka untuk menasihati abang. Sebolehnya gunakan kaedah diplomasi dan perkongsian perasaan berbanding menegur secara langsung.

Yang terakhir, sentiasa memaafkan orang lain dan terus berdoa mengharapkan perubahan yang baik kepada diri abang. Kuasa kepercayaan dan doa ini sangat besar bagi memastikan sesuatu itu berlaku. Selamat mencuba.